

Headline	Hari Hutan Antarabangsa di FRIM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	40	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,139
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,416



Hari Hutan Antarabangsa di FRIM

LEBIH 500 orang menyertai sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) peringkat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan menanam pokok dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di Taman Botani Kepong, baru-baru ini.

Peserta menanam 500 anak pokok jenis spesies kayu keras berat seperti belian (*eusideroxylon zwageri*), balau pasir (*shorea materialis*) dan cengal (*neobalanocarpus heimii*) dengan panduan daripada penyelidik, pegawai hutan dan renjer hutan FRIM.


Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, yang menyempurnakan majlis perasmian sambutan tersebut berkata, pengalaman menanam pokok di FRIM memang lain daripada lain.

"Di sini, spesies pokok yang bersesuaian akan dipilih, ditanam dan kesemua pokok itu akan dijaga dengan baik kerana kami memberi kepentingan kepada penanaman serta penjagaan pokok-pokok dan persekitarannya untuk memastikan mereka tumbuh membesar dengan baik," katanya.

Beliau berkata, kampus FRIM di Kepong telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada tahun 2009, Tapak Warisan Kebangsaan pada 2012 dan FRIM sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan status Tapak Warisan Dunia Unesco menjelang 2017.

Terdapat juga aktiviti lain yang berjalan serentak seperti pertandingan mewarna flora untuk kanak-kanak, *botany hunt* untuk golongan belia dan lawatan berpandu ke Denai Razak.

Program berakhir pada jam 12 tengah hari dengan majlis penyampaian hadiah untuk pemenang *botany hunt* dan pertandingan mewarna flora.



Seorang peserta menanam anak pokok sempena aktiviti yang diikuti mereka di Taman Botani Kepong.